

616:

PARL. MEN-PELAJARAN

1974

KUALA LUMPUR, 19 NOV. (BERNAMA)-PELAJAR-PELAJAR DI INSTITUSI-
INSTITUSI PELAJARAN TINGGI DIBERI KEBEBASAN AKADEMIK IAITU BEBAS
PELAJAR APA SAHAJA MATAPELAJARAN YANG TERMASUK DALAM BIDANG
PELAJARAN YANG DIKUTI, MENTERI PELAJARAN, DR. MAHATHIR MOHAMED,
BERKATA HARI INI.

BELIAU MEMBERITAHU DEWAN RAKYAT SEMASA SOAL JAWAB, KERAJAAN
TIDAK BERCADANG MENARIK BALIK KEBEBASAN AKADEMIK ITU.

BELIAU MENJAWAB SOALAN ENCIK ZAKARIA HAJI ABDUL RAHMAN (BN
- BESUT) YANG BERTANYA SAMAADA KERAJAAN BERCADANG HENDAK MENKAJI
SEMULA SISTEM KEBEBASAN PELAJAR DI SEMUA INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI
DAN SAMAADA PERKARA ITU TERMASUK DALAM BIDANG KAJIAN JAWATANKUASA
KABINET BERKENAAN PERLAKSANAAN DASAR PELAJARAN.

DR. MAHATHIR BERKATA SELAIN DARI KEBEBASAN AKADEMIK KERAJAAN
TIDAK MEMBERI KEBEBASAN ISTIMEWA KEPADA PELAJAR-PELAJAR DAN
MEREKA TERTAKLUK KEPADA UNDANG-UNDANG BIASA YANG
BERKUATKUASA DI SELURUH NEGARA.

DARI ITU SISTEM KEBEBASAN AKADEMIK TERSEBUT TIDAK AKAN DIKAJI
OLEH JAWATANKUASA MENTERI MENKAJI PERLAKSANAAN DASAR PELAJARAN.

-5- BELIAU BAGAIMANAPUN JAWATANKUASA MENTERI AKAN MENKAJI
SAMAADA PERLAKSANAAN DASAR PELAJARAN DI PERINGKAT INSTITUSI-
INSTITUSI PELAJARAN TINGGI KESELURUHANNYA SUDAH DAN DAPAT MENGUJUD
KAN SATU MASYARAKAT YANG BERSATUPADU, BERDISIPLIN DAN TERLATIH.
-BERSAMBUNG 1700/1B

620:

PARL. AMEN-PELAJARAN 2 KUALA LUMPUR

MENGENAI PEMULANAN KELAS OLEH MURID-MURID DI PERAK DAN
PULAU PINANG, DR. MAHATHIR BERKATA SIASATAN MASIH DIJALANKAN.
V KATANYA, SALAH FAHAM DIANTARA MURID-MURID DAN PIHAK
PENTADBIR SEKOLAH-SEKOLAH ITU MUNGKIN TELAH MENIMBULKAN KEJADIAN
PEMULANAN TERSEBUT.

KEJAN DARI KEJADIAN SEPERTI ITU IALAH PERBELANJAAN DARIPADA DUIT
RAKYAT YANG BEGITU BANYAK AKAN MENJADI SIA-SIA SAHAJA, KATANYA
SEBAGAI MENJAWAB SOALAN ENCIK FAN YEW TENG (DAP - MENGLEMBU). -- BERNAMA